

## BAB 2

### TINJAUAN HASIL KAJIAN YANG BERKAITAN

#### 2.1 Pendahuluan

Kajian ini merupakan suatu kajian tentang hubungkait di antara penghayatan akhlak dan disiplin Pendidikan Islam dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Untuk tujuan tersebut, tumpuan khusus dibuat terhadap sukatan pelajaran Pendidikan Islam, buku teks dan huraihan sukatan pelajaran Pendidikan Islam KBSM yang dikeluarkan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) merupakan satu langkah meningkatkan mutu pendidikan. Pendidikan Islam merupakan salah satu mata pelajaran teras dan wajib bagi semua peringkat persekolahan. Langkah ini adalah selaras dengan pernyataan bahawa Islam adalah agama persekolahan dalam perlumbagaan Malaysia.

Pendidikan Islam KBSM sebagaimana disebut dalam Sukatan Pelajaran Sekolah Menengah, Pendidikan Islam merupakan kesinambungan daripada Pendidikan Agama Islam Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR). Dalam KBSM para pelajar didedahkan dengan Tilawah Al-Quran dan Ulum Syariah.

Dalam tilawah Al-Quran, penumpuan diberikan terhadap kemahiran membaca mengikut hukum tajwid, menghafaz, memahami dan mengambil pengajaran daripada Al-Quran. Manakala Ulum Syariah pula adalah ilmu pengetahuan yang mencakupi bidang aqidah, ibadah, akhlak, sejarah Islam termasuk tamadun Islam dan juga tokoh-tokoh ilmuan Islam dalam pelbagai bidang ilmu dahulu dan sekarang. Kedua-dua bidang ini merupakan kesepaduan ilmu yang dapat melahirkan insan soleh yang direhui Allah S.W.T.

Pendidikan Islam KBSM memberi penekanan dan tumpuan yang sepenuhnya kepada aspek pengukuhan akidah Islamiah, pemahaman sifat-sifat cara hidup Islam serta asuhan terhadap budi pekerti dan akhlak yang mulia.

Berdasarkan falsafah pendidikan kebangsaan, KBSM bertujuan melahirkan insan yang dapat memperkembangkan potensi dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani secara menyeluruh dan bersepada berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Justeru itu, pelajaran Pendidikan Islam bertujuan untuk menyahut seruan untuk melahirkan pelajar yang berakhlaq dan berdisiplin mulia.

Kajian yang akan dijalankan ini adalah berkait rapat dengan beberapa aspek seperti yang disenaraikan di bawah. Oleh yang demikian, kajian-kajian berkaitan dengannya juga akan diperhatikan :

- i- Kurikulum
- ii- Proses pengajaran Pendidikan Islam
- iii- Tugas-tugas guru Pendidikan Islam
- iv- Kesan Pendidikan Islam terhadap akhlak dan disiplin pelajar

## 2.2 Kurikulum

Terdapat pelbagai definisi yang diberikan mengenai kurikulum. Antaranya oleh Goodland (1996 :24) yang mendefinisikan kurikulum sebagai:

“The curriculum is a design or plan of institutionalised education. It consists of the actual learning opportunities provided at a given time and place. It is an instrument for bringing about psychological changes in learners as a result of their activities in a educational institution”

Rugg (1971 : 56) pula memberikan definisi kurikulum dalam konsep yang lebih luas iaitu :

"the curriculum ..... is really the entire programme of the school's work. It is the essential means of education. It is everything that the students and their teachers do. Thus, it is twofold in nature being made up of activities, the things done, and of the materials with which they are done".

Ibrahim Saad (1989), mendefinisikan kurikulum sebagai :

"Sejumlah kekuatan, faktor-faktor pada alam sekitar pengajaran dan pendidikan yang disediakan oleh sekolah bagi murid-muridnya di dalam dan di luar sekolah dan sejumlah pengalaman yang lahir daripada interaksi dengan kekuatan-kekuatan dan faktor-faktor itu"

Laporan Jawatankuasa Kabinet (1979), dalam laporan ini menyatakan bahawa kurikulum dimaksudkan sebagai :

"..... segala rancangan pendidikan yang dikendalikan oleh sebuah sekolah ataupun sebuah institut pelajaran untuk mencapai matlamat pendidikan. Oleh itu kurikulum sekolah boleh dibahagikan kepada dua bahagian besar iaitu :

- Bahagian yang meliputi sukatan pelajaran dan kandungan mata pelajaran serta segala kegiatan pengajaran dan pembelajaran; dan
- Bahagian yang meliputi kegiatan pendidikan luar bilik darjah seperti kegiatan sukan, persatuan, pasukan beruniform dan lain-lain"

Oleh yang demikian, secara umumnya seseorang pelajar akan dapat memahami konsep sebenar kurikulum sebagai kandungan sebenar pendidikan yang merangkumi subjek-subjek, sukatan pelajaran, peperiksaan, teknik pengajaran dan pembelajaran.



Sumber: Jenkins: 1976

**Rajah 2.1: Proses Kurikulum Menurut Wheeler**

### 2.3 Pendidikan Islam

Hujjatul Islam Imam Al-Ghazali menghuraikan masalah Pendidikan Islam di dalam perbincangannya tentang ilmu dan akhlak (Marsi:1983). Ini kerana pendidikan merupakan suatu cara dan proses untuk mendapatkan ilmu pengetahuan dan tingkahlaku juga dipelajari melalui proses pembelajaran.

Khalid, Tanvir (t.t) mengatakan bahawa Pendidikan Islam juga dapat menanamkan perangai baik kepada kanak-kanak supaya dapat penilaian di antara perkara yang benar dan yang salah, sesuatu yang baik dan yang buruk dan membezakan perilaku yang baik dan perilaku yang jahat.

Abdul Raof Dalip (1988) menyatakan bahawa Pendidikan Islam bermaksud sebagai suatu proses pemindahan nilai-nilai kebudayaan/keilmuan yang

memupuk seluruh potensi semula jadi manusia, jasmani dan rohani secara padu dan berimbang rapi bagi melahirkan individu-individu yang segala rupa kegiatan hidupnya berteraskan keimanan kepada Allah S.W.T. Mereka dapat melaksanakan amanah-Nya dari satu generasi kepada satu generasi sebagai khalifah Allah S.W.T di muka bumi.

#### **2.4 Tujuan Dan Matlamat Pendidikan Islam**

Al-Abrasyi (1969 : 74) berkata bahawa Hujjatul Islam Imam Al-Ghazali dalam kitabnya *Ihya' Ulumuddin* mengatakan bahawa tujuan Pendidikan Islam ialah :

" Bertaqarrub (mendekatkan diri) kepada Allah, bukan untuk mendapatkan jabatan kepimpinan, bermegah-megah dan berlumba-lumba"

Fathiah Hasan Sulaiman (1964:14) membuat kesimpulan tentang tujuan pendidikan menurut Imam Al-Ghazali sebagaimana berikut :

"Dan jelaslah bahawa dengan mempelajari tulisan-tulisan Al-Ghazali tentang pengajaran dan pendidikan, bahawa tujuannya ada dua macam: iaitu kesempurnaan kemanusiaan yang tujuan hidupnya bertaqarrub (mendekatkan diri) kepada Allah S.W.T. Juga kesempurnaan kemanusiaan yang objektifnya ialah kebahagiaan dunia dan akhirat"

Hamid Fahmy Zarkasyi (1990) berkata bahawa menurut pandangan Al-Ghazali matlamat Pendidikan Islam yang unggul ialah keselarasannya dengan objektif kejadian manusia iaitu penguasaan ilmu tentang Allah. Ilmu sedemikian meliputi ilmu tentang pencipta dan ciptaan-Nya termasuk alam semesta, roh, keadaan-keadaan yang berlaku selepas mati dan sebagainya. Lanjutan dari matlamat ini ialah bahawa penghampiran diri kepada Allah itu mustahil kecuali melalui ilmu.

Muhammad Athiyah al-Abrasyi (1969) merumuskan tentang tujuan

Pendidikan Islam menurut Ibnu Khaldun seperti berikut :

Pendidikan Islam mempunyai dua tujuan, iaitu :

- Tujuan keagamaan maksudnya ialah beramal untuk akhirat, sehingga ia menemui Tuhannya dalam keadaan telah menunaikan hak-hak Allah yang diwajibkan ke atasnya; dan
- Tujuan ilmiah yang bersifat keduniaan, iaitu apa yang diungkapkan oleh pendidikan moden dengan tujuan kemanfaatan atau persiapan untuk hidup.

Selain daripada itu, terdapat para cendikiawan Islam dan ahli-ahli Pendidikan Islam yang lain membuat rumusan mereka tentang tujuan Pendidikan Islam.

Saleh Abdul Aziz dan Abdul Aziz Abdul Majid (t.t:34) mengatakan bahawa tujuan Pendidikan Islam adalah: "Untuk mendapatkan keredaan Allah S.W.T. dan mengusahakan penghidupan". Mustafa Amin (1926 :167) bahawa tujuan Pendidikan Islam adalah: "Mempersiapkan seseorang bagi amalan dunia dan akhirat". Muhammad Athiyah al-Abrasyi (1969: 23) menyimpulkan bahawa tujuan Pendidikan Islam adalah: "Keutamaan".

Syed Muhammad Naquib al-Attas (1979:1), juga telah merumuskan matlamat Pendidikan Islam seperti berikut :

"The aim of Muslim education is the creation of the "good and righteous man" who worship Allah in the true sense of the term, builds up the structure of his earthly life according to the Sharia (Islamic law) and he employs it to subserve his faith".

Ini bermaksud bahawa matlamat Pendidikan Islam itu adalah pembentukan manusia yang baik dan seimbang, yang berabdi kepada Allah dengan ikhlas dan mengarahkan hidupnya mengikut syariat Allah dan mengamalkannya untuk pengabdian keimanannya".

Secara keseluruhannya disimpulkan bahawa tujuan dan matlamat Pendidikan Islam adalah berlandaskan Al-Quran dan As-Sunnah untuk membentuk dan memperkembangkan insan supaya menjadi muslim yang berilmu, beriman, beramal soleh dan berperibadi mulia ke arah melengkapkan diri serta bertanggungjawab sebagai hamba dan khalifah Allah S.W.T yang bertaqwa.

Al-Quran dan As-Sunnah merupakan asas pembentukan insan muslim baik dari segi rohani, jasmani, pemikiran dan juga emosi melalui pernyataan-pernyataannya, Al-Quran dan As-Sunnah juga menjelaskan kesempurnaan rohani, jasmani, pemikiran dan emosi.

Al-Quran dan As-Sunnah membentuk sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup pelajar yang mempunyai tanggungjawab untuk membangunkan diri, keluarga, masyarakat dan negara ke arah mencapai kebahagiaan di dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat.

Di samping itu, matlamat untuk mencari ilmu pengetahuan ialah untuk mendapat-kan kefahaman tentang objek-objek selaras dengan faedah-faedahnya dan kefahaman tentang objek-objek yang memandu ke arah perilaku yang baik dan mulia.

Manakala Al-Ghazali mendapati bahawa pengajaran agama dapat membantu untuk melahirkan keperibadian yang baik. Oleh itu, beliau menganjurkan supaya pendidikan agama (Islam) dimasukkan ke dalam kurikulum pendidikan.

## **2.5 Falsafah Pendidikan Islam**

Falsafah Pendidikan Islam berusaha melahirkan individu yang soleh, seterusnya melahirkan warganegara yang beriman dan berkelakuan baik. Ia juga berusaha ke arah melahirkan insan yang mempunyai keseimbangan dari segi kebendaan dan rohani. Oleh itu, insan yang dididik berdasarkan falsafah Pendidikan Islam akan bersifat taqwa, 'iffah (kesucian diri), ikhlas,

benar dalam amal perbuatan, percakapan, amanah dalam pekerjaan, *istiqamah* dalam perbuatan serta mempunyai sifat-sifat kemanusiaan yang tinggi.

Mohd. Kamal Hassan (1987) menyatakan bahawa falsafah pendidikan Islam juga menekankan konsep-konsep berikut:

- Pendidikan seumur hidup;
- Pembangunan seluruh potensi (roh, akal dan jasad) secara padu mencakupi aspek kognitif, efektif dan *volitional*;
- Menyampaikan dua fungsi :
  - a) sebagai hamba kepada Allah ('ubudiyyah)
  - b) sebagai Khalifah Allah S.W.T (wakil Allah di bumi)
- Memakmurkan seluruh alam;
- Kesepaduan dan kesempurnaan iman, ilmu dan amal salih; dan
- Kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat.

Dalam pendekatannya yang menitikberatkan keseimbangan yang jitu antara keperluan-keperluan rohani, akal dan jasmaniah, antara pembangunan duniawi dan pembangunan ukhrawi, falsafah Pendidikan Islam menganggap pembangunan akhlak individu yang selari dengan pandangan hidup Islam adalah teras pembangunan manusia seluruhnya.

Menurut Abdul Ghani Shamsuddin (1989), falsafah Pendidikan Islam sebagai suatu paradigma baru, perlulah :

- Mempunyai keupayaan untuk mentajidikan (pembaharuan) pemikiran dan kaedah berfikir;
- Mempunyai sifat terbuka terhadap pengalaman dan dapatan orang lain;
- Menggunakan pendekatan ilmiah dalam menerima, menghargai dan mengambil manfaat dari warisan Islam di zaman silam;
- Para ahli fikir, cendikiawan dan pakar-pakar yang menggarap persoalan falsafah Pendidikan Islam perlulah memahami disiplin ilmu Islam, aliran pemikiran setempat dan antarabangsa;

- Boleh merancang sukatan pelajaran berdasarkan bidang-bidang menurut asas-asas yang telah disampaikan dalam Pendidikan Islam; dan
- Membuat pemilihan terhadap guru secara teliti dan jitu di samping mengklasifikasikan mereka menurut cara yang bijaksana dan mudah dimanfaatkan.

Turki Rabih (1982) menyatakan bahawa falsafah Pendidikan Islam dibina berasaskan kepada empat rukun iaitu :

- Iman yang teguh kepada Allah dan Rasul-Nya, Malaikat-Nya, Syurga-Nya, Neraka-Nya dan hari kebangkitan;
- Akhlak yang baik dan mulia;
- Berilmu dalam erti yang menyeluruh; dan
- Amal soleh di dunia dan di akhirat.

Falsafah Pendidikan Islam KBSM ini dapatlah dirumuskan seperti berikut:

"Pendidikan Islam adalah satu usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan Al-Quran dan As-Sunnah, bagi membentuk sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab untuk membangunkan diri, masyarakat, alam sekitar dan negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat" .

## **2.6 Sumber Pendidikan Islam**

Pendidikan Islam itu adalah berdasarkan kepada Al-Quran dan As-Sunnah Rasulullah S.A.W. Rasulullah S.A.W. bersabda, yang bermaksud :

"Aku tinggalkan kepadamu dua perkara, yang kamu tidak akan sesat selama kamu berpegang teguh kepada keduanya, iaitu Kitab Allah (al-Quran) dan Sunnah ku"

Abdul Raof Dalip (1988) menyatakan bahawa Pendidikan Islam bersumberkan Al-Quran dan Al-Hadis, bertujuan menjadikan seseorang itu menghayati perkara-perkara hak, meliputi berbagai bidang ilmu pengetahuan. Satu kejayaan yang unggul akan dapat diketemukan hasil didikan yang selari, berteraskan aqidah keimanan kepada Allah S.W.T. Ianya boleh melahirkan peribadi muslim mukmin yang berilmu, ikhlas, amanah, benar, dedikasi dan sifat-sifat positif yang lain. Serentak dengan itu akan terhapus sifat-sifat riak, takabbur, mementingkan diri sendiri dan sifat-sifat negatif yang tidak memberikan keuntungan kepada diri sendiri, masyarakat, agama dan negara.

Dalam kajian ini akan dibincangkan hanya dua sumber terpenting sebagai sumber utama dalam Pendidikan Islam, iaitu :

- 1- Al-Quran
- 2- As-Sunnah (Al-Hadis)

#### **2.8.1 Al-Quran Sebagai Sumber Pendidikan Islam**

Muhammad Fadhil al-Jamaly (1966), mengatakan Al-Quranul-Karim adalah merupakan kitab terbesar yang menjadi sumber kepada falsafah pendidikan dan pengajaran. Pada hakikatnya Al-Quran adalah merupakan perbendaharaan yang menjadi induk kepada perbendaharaan kebudayaan Islam terutamanya dari sudut kerohanian.

Tibawi (1974) menjelaskan pada umumnya Al-Quran adalah merupakan kitab pendidikan yang pertama dan khususnya sebagai kitab pendidikan kemasyarakatan, akhlak dan kerohanian.

Abu Hasan An-Nadwi (1974) dengan tegas mengatakan bahawa sekiranya pendidikan umat Islam tidak berdasarkan aqidah yang bersumberkan Al-Quran dan As-Sunnah maka pendidikan itu bukanlah Pendidikan Islam, tetapi ia adalah pendidikan asing.

Hassan Mulla Uthman (1985) menyatakan bahawa kitab Allah merupakan sumber Pendidikan Islam. Ia terdiri daripada ayat-ayat yang di dalamnya terkandung peraturan-peraturan Allah sedangkan hadis Rasulullah S.A.W berperanan menerang dan mentafsirkan ayat Al-Quran.

Shalaby (1978) pula menyatakan bahawa Al-Quran dijadikan satu mata pelajaran dalam semua bidang pengajian semenjak Rasulullah S.A.W menghurai dan mentafsirkan Al-Quran kepada para sahabat serta membuat kesimpulan tentang hukum hakam yang terdapat di dalam Al-Quran dalam usaha mendapatkan keredaan Allah S.W.T.


Al-Quran dijadikan sumber Pendidikan Islam bertujuan untuk menanam aqidah ke dalam jiwa manusia. Oleh itu, setiap pendidikan hendaklah dimulakan dengan Al-Quran kerana ia menjadi asas kepada pendidikan keseluruhannya.

### **2.6.2 Al-Hadis Sebagai Sumber Pendidikan Islam**

Al-Hadis merupakan sumber syariat Islam yang kedua selepas Al-Quran. Pada pandangan An-Nadwi (1982), Al-hadis memberi tumpuan yang utama kepada kehidupan, dengan mengatur kehidupan manusia berdasarkan keimanan. Al-Hadis mengambil berat tentang persoalan yang berkaitan dengan akhlak, kemasyarakatan, perjalanan hidup, pendidikan dan cara perhubungan antara manusia dengan penciptanya. Risalahnya bermatlamatkan, membersihkan jiwa, mendidik akhlak, cara menghadapi akhirat, zuhud di dunia, gemar beribadah dan membentuk peribadi manusia supaya mengikut sunnah Rasulullah S.A.W di dalam kehidupan seluruhnya.

Hassan Langgulung (1981) dalam konteks ini menegaskan bahawa Rasulullah S.A.W mencerminkan akhlak Al-Quran dalam segala tindak tanduknya, maka Allah memberinya tempat khusus di kalangan kaum muslimin. Segala yang lahir daripada Rasulullah S.A.W sama ada perkataan,

perbuatan atau pengakuannya adalah hadis yang wajib diikuti dan baginda merupakan contoh teladan yang terbaik bagi setiap umat manusia.



Sumber: Mohd Idris Jauzi:1998  
**Rajah 2.2: Lathian Mengenal Diri**

## **2.7 Prinsip Asas Pendidikan Islam**

Menurut Maududi (1983), prinsip asas ajaran Islam yang wajib diperturunkan dari satu generasi ke satu generasi ialah penguasaan ilmu yang berdasarkan Al-Quran dan As-Sunnah Rasulullah S.A.W, tetapi sistem hidup dewasa ini termasuklah pendidikan, dipinjam dari falsafah sekular dan kebendaan. Tokoh-tokoh Islam juga terpengaruh dengan sistem pendidikan barat, lantaran itu secara umumnya pengetahuan mereka tentang Al-Quran dan As-Sunnah tidak sahaja lemah malah diperolehi secara tidak langsung dan kemungkinan bersumberkan perantaraan ketiga dan keempat. Paling malang sekali dewasa ini, manusia yang sedemikian telah menguruskan sistem pendidikan Islam. Untuk itu, mereka gagal membasmi kesan intelektual yang bersifat sekularisme.

Seterusnya beliau menyatakan prinsip asas agama (Islam) seperti suruhan-suruhan dan ajaran-ajaran yang terdapat dalam Al-Quran dan As-Sunnah hendaklah diajar supaya tidak mengelirukan fikiran para pelajar.

## **2.8 Sukatan Kurikulum Pendidikan Islam KBSM**

Sukatan utama Pendidikan Islam di peringkat sekolah menengah ialah tertumpu kepada dua bahagian utama iaitu :

- a) Tilawah Al-Quran
- b) Ulum Syariah

Tilawah Al-Quran adalah kemahiran membaca, memahami, menghafaz, megambil pengajaran dan hikmat daripada Al-Quran. Manakala Ulum Syariah pula adalah ilmu pengetahuan dan amalan yang disyariatkan oleh Allah S.W.T.

Dalam sukatan pelajaran ini, penekanan Tilawah Al-Quran adalah :

- Membaca ayat-ayat Al-Quran mengikut hukum-hukum tajwid, memahami pengertian, pengajaran dan hikmat serta menghayatinya.
- Menghafaz ayat-ayat Al-Quran mengikut hukum-hukum tajwid, memahami

pengertian, pengajaran dan hikmat, menghayati serta mengamalkannya.

- Memahami sebab dan musabab turunnya sesuatu ayat, peristiwa yang berlaku disebaliknya.

Penekanan Ulum Syariah pula ialah :

- Aqidah

Untuk meneguhkan keimanan yang dapat memupuk sikap dan tanggungjawab pelajar sebagai manusia yang sedar dan insaf akan kedudukan dan tanggungjawabnya terhadap Allah S.W.T., diri sendiri dan masyarakat.

- Cara Hidup Islam

Iaitu untuk membentuk peribadi pelajar ke arah tingkah laku muslim sejati dan menjadikan nilai-nilai mulia Islam diamalkan dalam kehidupan seharian pelajar.

- Ibadah

Iaitu untuk mengetahui peraturan, cara-cara dalam melakukan ibadat yang ditentukan oleh Allah S.W.T. serta mengetahui segala hukum hakam dalam segala permasalahan dalam ibadah.


- Sejarah Islam/Tamadun Islam

Iaitu untuk mengetahui tentang keagungan, kecemerlangan dan kemajuan yang telah dicapai oleh kerajaan Islam terdahulu dan mengambil pengajaran untuk mengembalikan semula tamadun Islam di zaman sekarang.

- Tokoh-Tokoh Islam

Iaitu untuk mengetahui tentang latar belakang, cara hidup, pendidikan dan keilmuan, sumbangan serta kesan peninggalan keilmuan mereka kepada generasi umat Islam sekarang.

Kedua-dua bidang ini merupakan kesepaduan ilmu yang dapat melahirkan insan baik dan soleh serta diredhai oleh Allah S.W.T.. Pengetahuan dan kemahiran yang disampaikan berdasarkan kandungan sukan pelajaran ini adalah sesuai dengan peringkat dan keupayaan pelajar-pelajar sekolah peringkat menengah (Lihat lampiran).



Sumber: Ahmad:1997

Rajah 2.3: Struktur Kurikulum Pendidikan Islam KBSM

## 2.9 Konsep Akhlak Dan Disiplin

Ismail Kamus (1984), akhlak dalam Bahasa Arab ialah *jama'* dari perkataan *khulq*. Ertinya tingkah laku, tabiat, perangai, bentuk keperibadian, kebiasaan kehendak.

Akhlak menurut istilah Islam ialah sikap keperibadian yang melahirkan laku perbuatan manusia terhadap Tuhan dan manusia, terhadap diri sendiri, makhluk lain, sesuai dengan suruhan dan larangan serta petunjuk Al-Quran dan Al-Hadis.

Al-Qardhawi (1982) menegaskan bahawa antara aspek pendidikan yang penting di sisi Ikhwan Muslimin ialah aspek akhlak. Ikhwan menekankan pendidikan akhlak kerana ia merupakan agen yang mampu merubah kehidupan masyarakat. Oleh kerana itu Imam As-Syahid Hassan al-Banna menamakan pendidikan akhlak sebagai asas perubahan kerana ia

diangap sebagai asas yang boleh menentukan arah dalam perkembangan masyarakat.

Abdul Ghani Shamsuddin (1989) memberi takrif berdasarkan pendapat Omar al-Toumy Asyaibani (1991) yang menyatakan bahawa ilmu akhlak ialah ilmu yang meneroka sifat perbuatan akhlak, mengkaji hakikat kebaikan, keburukan, kewajipan, hati nurani kemanusiaan, kebahagiaan, penilaian akhlak, tanggungjawab akhlak, motif kelakuan, asas-asas teori keyakinan akhlak, contoh utama serta kaedah dan prinsip umum yang patut menjadi landasan kelakuan manusia.

Dalam konteks ini, Al-Ibrasyi (1969) menyatakan bahawa pendidikan akhlak adalah jiwa Pendidikan Islam. Puncak akhlak yang mulia merupakan sasaran murni dari segi pendidikan.

Muhammad Jawad Ridha (1972) pula menyatakan, akhlak ialah sifat terpuji yang sepatutnya dimiliki oleh setiap orang. Sesebuah masyarakat tidak akan maju sekiranya ia tidak memiliki akhlak yang terpuji, kerana akhlak yang terpuji bermatlamat untuk mendidik manusia ke arah mencapai kemajuan dalam kehidupan.

Mohd Nakhaie Ahmad (1997) menyatakan bahawa akhlak ialah tingkahlaku yang dipengaruhi oleh nilai-nilai yang diyakini oleh seseorang dan sikap yang menjadi sebahagian daripada keperibadiannya. Nilai-nilai dan sikap itu pula terpancar daripada konsepsi dan gambarannya terhadap hidup. Dengan perkataan lain, nilai-nilai dan sikap itu terpancar daripada aqidahnya iaitu gambaran tentang kehidupan yang dipegang dan diyakininya.

## **2.10 Disiplin**

Menurut Preston dan Zimmerar (1983) pula, walaupun disiplin ditakrifkan dalam berbagai cara, namun semuanya memusatkan kepada tingkahlaku yang bersesuaian dengan undang-undang dan peraturan

pekerjaan. Kebanyakan penyelia mengaku bahawa disiplin mesti mengandungi dua perkara iaitu kawalan dan hukuman, iaitu tingkahlaku yang dikenali oleh sesetengah pakar sebagai tingkahlaku positif dan negatif.

Owens (1978) mendefinisikan disiplin sebagai satu ukuran daripada tindakan seseorang sama ada tindakan itu benar atau salah. Ini berlainan dengan kenyataan yang telah dibuat oleh Fulmer (1978) di mana disiplin dilihat sebagai peraturan-peraturan yang menguasai pengendalian moral kakitangan sesebuah organisasi ataupun pengurusan pekerjaan.

Secara umum disiplin atau tata tertib ialah peraturan-peraturan yang dipersetujui oleh sesuatu kumpulan atau organisasi bagi mewujudkan suasana yang aman, tenteram dan menjamin keharmonian ahli-ahlinya. Disiplin juga adalah cara berfikir yang teratur yang melahirkan sifat rasional, keyakinan diri dan ketabahan hati seseorang. Ia juga berkaitan dengan tatasusila, akhlak dan kesopanan. Ini bermakna orang yang berdisiplin bukan sahaja akan mematuhi segala peraturan yang dikehendaki oleh sesuatu masyarakat, tetapi juga akan menganuti perlakuan yang diingini oleh masyarakat tersebut walaupun ia menyedari bahawa tidak menganutinya bukanlah satu kesalahan yang boleh dikenakan denda atau hukuman. Contoh jenis perlakuan yang diharapkan oleh masyarakat ialah seseorang individu yang menepati waktu, berinisiatif, rajin, bersedia membantu orang di dalam kesusahan, berdisiplin dan menghormati orang lain.

## **2.11 Akhlak Pelajar Dan Kewajipan Disiplin**

Para pelajar diwajibkan mengamalkan nilai-nilai akhlak yang baik serta mematuhi setiap peraturan disiplin yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan juga pihak sekolah dari semasa ke semasa. Penekanan kepada akhlak dan disiplin pelajar adalah bermatlamatkan untuk penerapan nilai-nilai murni melalui pendidikan adalah untuk melahirkan insan, dan juga warganegara yang baik serta akhlak mulia. Objektif-objektifnya antara lain ialah :

- Menanam kesedaran, kefahaman, keyakinan dan juga kesyukuran;
- Menanam semangat cintakan nilai-nilai suci;
- Menghormati kebaikan dan membenci keburukan;
- Membentuk sikap positif yang berguna kepada agama, bangsa dan juga sewaktu menjalankan tugas serta tanggungjawab;
- Menghapuskan sikap negatif dalam kehidupan dan juga sewaktu menjalankan tugas dan tanggungjawab;
- Menjalankan amanah dengan dedikasi;
- Melatih diri dengan disiplin;
- Meningkatkan hasil atau produktiviti; dan
- Berusaha untuk mencapai kecemerlangan.

Menurut Wan Zahid Mohd Noordin (1994), insan yang baik merupakan insan yang memiliki serta menghayati ciri-ciri berikut :

- Percaya dan patuh kepada Tuhan;
- Berilmu pengetahuan;
- Berakhhlak mulia;
- Bertanggungjawab kepada diri, masyarakat, agama, bangsa dan negara; dan
- Berbakti dan sedia memberi sumbangan kepada masyarakat, agama, bangsa dan negara.

Dengan memiliki sifat-sifat ini akan berjayaalah membentuk para pelajar yang bukan sahaja memiliki akhlak yang baik tetapi juga mengamalkan tahap disiplin yang tinggi.

## **2.12 Keadaan Akhlak Dan Disiplin Masa Kini**

Kebanyakan negara membangun kini menghadapi ancaman gejala sosial yang semakin membimbangkan. Fenomena negatif yang dahulunya berleluasa di barat sudah menular ke rantau negara sedang membangun. Malaysia tidak terkecuali.

Malah, perangkaan kes yang diperolehi daripada pihak berkuasa menunjukkan keadaan yang agak kritikal. Pelakuan negatif seperti seks bebas, jenayah juvana, lari dari rumah, lepak dan penyalahgunaan dadah semakin meningkat di kalangan remaja. Ia hanyalah sebahagian gejala yang melanda generasi muda sekarang ini dan tidak boleh dipandang ringan.

(Taib Osman:1995) menyatakan bahawa dalam Kongres Pendidikan Islam Kebangsaan di Johor Bahru mendedahkan kegagalan sistem pendidikan, baik sistem pendidikan keseluruhannya mahupun Pendidikan Islam. Ini kerana peratusan masyarakat Melayu yang terbabit dalam kegiatan anti sosial seperti rasuah, jenayah remaja dan sebagainya bukan saja bertambah malah peratusannya lebih tinggi daripada kaum lain. Berdasarkan pendedahan yang dibuat pada seminar itu juga, yang membimbangkan ialah terhadap masa depan masyarakat Melayu.

Manakala dalam resolusinya ternyata mempunyai pelbagai matlamat, daripada penyelarasan dan penyeragaman sistem pendidikan agama seluruh negara hingga kepada soal menjadikannya contoh untuk diteladani di seluruh dunia.

Pertalian di antara seminar dan kongres yang disebutkan di atas adalah sistem pendidikan dalam masyarakat kita, kerana banyak gejala sosial asasnya adalah pendidikan. Jika Seminar Masyarakat Melayu dan Gejala Sosial mendedahkan keadaan yang menimbulkan kebimbangan kita, maka Kongres Pendidikan Islam mengemukakan gagasan untuk memperkemaskan lagi prasarana Pendidikan Islam di negara ini.

Keadaan-keadaan masalah akhlak dan disiplin kini boleh digambarkan melalui beberapa kes yang melibatkan pelajar sekolah dalam negara ini yang disiarkan dalam media massa utama. Antaranya :

Hambali Abdul Razak, Pegawai cawangan Penyelaras dan Pembangunan Pendidikan Islam, Bahagian Hal Ehwal Islam (BAHEIS) Jabatan Perdana Menteri (1995), berkata bahawa daripada kajian rambang yang diadakan di sekolah, pihaknya mendapati masih lebih 40% golongan remaja, khususnya pelajar di negara ini adalah buta huruf dalam pengajian Al-Quran dan jawi.

Datuk Seri Najib Tun Razak, Menteri Pendidikan Malaysia (1995), berkata bahawa seramai 7,587 orang atau 2.9% murid Islam tahun enam gagal dalam Ujian Perkara Asas Fardhu Ain (PAFA) yang diperkenalkan pertama kali dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR). Kegagalan murid dalam ujian Pafa mempunyai kaitan dengan masalah sosial, rumah tangga serta disiplin yang dialami murid terbabit. Perkara ini akan membawa kesan apabila memasuki persekolahan peringkat menengah nanti.

Mohd. Azam Awi, Ketua Penolong Pesuruhjaya Penguat Kuasa, Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT) ( 1996 ) berkata, sejumlah 87 pelajar negeri itu diberkas kerana berkhawlwat sepanjang 1996. Jumlah tersebut merupakan sebahagian daripada keseluruhan 665 orang yang ditangkap kerana pelbagai kesalahan syariah. Daripada 665 orang yang terlibat, 398 orang merupakan remaja berumur antara 13 dan 25 tahun.

Noor Azmah Ibrahim (1997), menurut laporan oleh Cawangan Dasar/Pencegahan Jenayah, Bahagian Hal Ehwal Awam, Bukit Aman, tahun 1997 menunjukkan peningkatan mendadak bilangan pelajar yang terlibat dengan pelbagai salah laku sosial. Mengikut purata, dalam tempoh sebulan dianggarkan 89 kes jenayah kekerasan dan harta benda telah dilakukan oleh para pelajar di seluruh negara, tahun 1997 sahaja. Masalah dadah mencatatkan kes paling tinggi.

Datuk Idris Wahid, Ketua Polis Negeri Terengganu (1997) berkata, penglibatan pelajar sekolah negeri ini dalam kes bunuh dan dadah menunjukkan peningkatan yang membimbangkan. Dalam tahun 1996 jumlah

tangkapan juvana bagi kes bunuh ialah empat orang tetapi membabitkan seorang pelajar sekolah. Manakala 22 orang pelajar sekolah turut terbabit dalam pelbagai kesalahan dadah. Kes samun tanpa senjata api pada tahun 1995 membabitkan dua pelajar manakala dua pelajar lain ditangkap berhubung kes rogol.

Kes-kes yang disebutkan di atas, menunjukkan masalah salah laku di kalangan remaja kini sememangnya berunsur antisosial yang sudah menjadi masalah besar negara. Tindakan drastik perlu dilakukan oleh semua pihak untuk menangani masalah ini. Tan Sri Samsuri Arshad, Timbalan Ketua Polis Negara (1996) berkata, masalah juvana perlu ditangani dengan menggunakan strategi serampang dua mata iaitu pencegahan dan pemulihan serentak dan seimbang. Langkah pencegahan perlu meliputi pembentukan moral dan etika dari peringkat persekolahan hingga ke peringkat dewasa.

### **2.13 Kepentingan Akhlak Dan Disiplin**

Kepentingan akhlak dalam kehidupan dinyatakan dengan jelas dalam Al-Quran menerusi berbagai-bagai pendekatan yang meletakkan Al-Quran sebagai sumber pengetahuan mengenai nilai dan akhlak yang paling terang dan jelas. Pendekatan Al-Quran dalam menerangkan akhlak yang mulia, bukan pendekatan teoritikal tetapi dalam bentuk konseptual dan penghayatan. Akhlak yang mulia dan akhlak yang buruk digambarkan dalam perwatakan manusia, dalam sejarah dan dalam realiti kehidupan manusia semasa Al-Quran diturunkan.

Para sarjana dan ahli fikir turut mengakui pentingnya akhlak di dalam membina keluhuran peribadi dan tamadun manusia. Akhlak yang mulia menjadi penggerak kepada kemajuan dan kesempurnaan hidup, sebaliknya akhlak yang buruk menjadi pemusnah yang berkesan dan perosak manusia di bumi ini.

Justeru itu, akhlak mempunyai peranan yang penting di dalam kehidupan dan dalam memelihara kemuliaan insan serta keluhurannya. Martabat manusia akan menurun setaraf haiwan sekiranya akhlak runtuh dan nilai-nilai murni tidak dihormati dan dihayati. Oleh itu Rasulullah S.A.W bersabda yang bermaksud :

“ Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia ” (Riwayat al-Baihaqi)

Kepentingan disiplin antaranya adalah cara untuk mengawal pelajar di dalam sesebuah sekolah supaya mereka dapat menunjukkan prestasi ke tahap yang memuaskan. Tetapi jika sekiranya pengawalan disiplin ini tidak berjaya maka hukuman adalah perlu demi untuk memastikan segala peraturan mengenai disiplin dipatuhi.

Proses penggunaan kawalan disiplin akan menjadi lebih berkesan jika organisasi berjaya menggariskan suatu rangka peraturan yang bermutu dan menyeluruh serta tersendiri. Jika sekiranya peraturan-peraturan tersebut tidak jelas maka harapan untuk meningkatkan tahap keberkesanannya kurikulum akan menjadi kurang berkesan.

Untuk itu, dapatlah dikatakan bahawa keberkesanannya kurikulum itu adalah bergantung kepada kebijaksanaan pengajaran dan pembelajaran serta sifat kerjasama yang ditunjukkan oleh pelajar di dalam mematuhi peraturan dan disiplin secara keseluruhan.

## **2.14 Sebab-Sebab Pelanggaran Akhlak Dan Disiplin**

Mohamad Hussain , Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (1995), menggariskan enam faktor utama remaja terjebak dengan perlakuan negatif :

- Kelemahan ketahanan diri;
- Kurang didikan agama;
- Pengaruh rakan sebaya;
- Pengaruh persekitaran;

- Krisis rumahtangga; dan
- Pengaruh media massa.

Selain itu, banyak lagi faktor sampingan turut menyumbang atau mempengaruhi kepada permasalahan ini.

- Kelemahan ketahanan diri : Berpunca daripada pelbagai faktor seperti kekecewaan dan mendapat pekerjaan tidak setimpal dengan kelayakan;
- Kurang didikan agama: Tidak mengendahkan ajaran agama, sebaliknya berminat berseronok menikmati keindahan kota, mengunjungi tempat hiburan atau pusat beli-belah;
- Pengaruh rakan sebaya dan persekitaran turut menyumbang kepada masalah itu yang sekali gus melunturkan institusi kekeluargaan dalam masyarakat setempat;
- Krisis rumahtangga sehingga mengakibatkan perceraian juga dikenalpasti menyumbang kepada peningkatan gejala sosial; dan
- Seks bebas di kalangan remaja dan kini wujud pula istilah bohsia dan bohjan. Amalan bersekedudukan dan bertukar-tukar pasangan itu mengakibatkan terhasilnya anak luar nikah dan seterusnya kes pembuangan anak.

## **2.15 Peranan Guru Pendidikan Islam**

Kurikulum baru yang diperkenalkan pada tahun 1988, menyatakan bahawa guru berperanan untuk mengenalpasti dan memupuk potensi setiap pelajar dan membentuk mereka menjadi insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Penekanan kurikulum baru ini adalah ke arah mendidik dan memandu pelajar supaya menghayati ciri-ciri kualiti yang berikut,

- i) Kepercayaan kepada Tuhan;
- ii) Berpengetahuan;
- iii) Bermoral tinggi;
- iv) Bertanggungjawab kepada diri sendiri, masyarakat, agama dan negara; dan

v) Insan yang harmonis dan seimbang.

Persidangan Pengetua-Pengetua Sekolah Menengah (1976) pula menggariskan 3 jenis tugas guru :

- a) Tugas profesional iaitu tugas pengajaran dan pembelajaran;
- b) Tugas separa profesional iaitu tugas dalam bidang ko-kurikulum; dan
- c) Tugas bukan profesional iaitu tugas-tugas yang berkait dengan tugas membantu pentadbiran sekolah seperti menyelia kawasan sekolah dan seumpamanya.

Menurut Atan Long (1980), terdapat 4 tugas utama guru dalam bidang kurikulum iaitu :

- a) Mengajar atau memberi ilmu pengetahuan;
- b) Mendidik iaitu membentuk sikap, nilai dan akhlak murid;
- c) Memberi contoh teladan yang boleh diikuti oleh segenap lapisan masyarakat khasnya para pelajar; dan
- d) Sebagai agen pembaharuan iaitu membawa pandangan-pandangan baru yang boleh membawa kepada perubahan dan kemajuan masyarakat.

Dengan demikian, dapatlah diterangkan bahawa tugas dan peranan guru Pendidikan Islam bukan setakat mengajar dan memberi faham tentang aspek-aspek sukatan pelajaran Pendidikan Islam tetapi juga berperanan mengawal, mendidik, memberi tunjuk ajar dan juga membentuk pelajar supaya menjadi manusia yang berakhlak, berdisiplin tinggi dan menjadi insan yang taat kepada segala perintah dan larangan Allah S.W.T.